



JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

KENYATAAN RASMI BIL. 7/2019

ISU PEMBERIAN DAGING KORBAN KEPADA BUKAN ISLAM

1. Mutakhir ini, isu pemberian daging korban kepada bukan Islam hangat dibahaskan di media terutamanya media sosial. Penggunaan nas dan dalil malahan fakta sokongan seperti keterangan para ulama' terdahulu dan kontemporari serta maslahah semasa menjadi sandaran bagi menguatkan hujah masing-masing.
2. Adalah ditegaskan bahawa amalan mengorbankan binatang ternakan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya merupakan ibadat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Amalan warisan Nabi Ibrahim a.s. ini mempunyai hikmah yang sarat dengan kebaikan dunia dan akhirat.
3. Oleh yang demikian, setelah mengambil kira pandangan yang masyhur dalam mazhab Syafie, pandangan para ulama' semasa, maslahah umum serta keperluan semasa dalam negeri ini, Jabatan Mufti Negeri Perak membuat penegasan bahawa daging daripada sembelihan korban **TIDAK HARUS DIBERI KEPADA ORANG BUKAN ISLAM** kerana ia merupakan perkara *ta'abbudiy* (hal ehwal ibadat) yang dihukumkan sebagai *sunnah muakkadah* (sunat yang sangat dituntut).

**Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria
Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan**

20 Zulkaedah 1440 H (Selasa)
23 Julai 2019 M